

1. Kami membaca beberapa buah buku untuk mengetahui _____ tokoh bahasa itu.

☐ A biologi
☐ B biografi
☐ C geografi
☐ D demografi

2. Pada setiap malam Khamis, Yusof dan rakan-rakannya akan belajar seni pertahanan diri masyarakat Melayu, iaitu _____ di rumah Tok Guru Tamrin.

☐ A silat
☐ B tomoi
☐ C karate
☐ D silambam

3. Puan Nora menangis semasa menceritakan _____ yang menyayat hati itu kepada wartawan.

☐ A acara
☐ B aktiviti
☐ C tragedi
☐ D upacara

4. Banyak _____ asing berlabuh di Pelabuhan Pasir Gudang.

☐ A lori
☐ B kapal
☐ C kereta
☐ D motosikal

5. Buah-buahan yang mengandungi _____ yang tinggi tidak sesuai dimakan ketika perut kosong.

☐ A asid
☐ B serat
☐ C lemak
☐ D protein

6. Juruacara membuat pengumuman sebaik-baik sahaja _____ melangkah masuk ke dalam dewan.

☐ A raja muda selangor
☐ B raja muda Selangor
☐ C Raja muda Selangor
☐ D Raja Muda Selangor

7. "Taufik, pakailah _____ semasa menggembur tanah itu supaya tangan kamu tidak kotor," kata Encik Bad kepada anaknya.

☐ A lapik kaki
☐ B baju hujan
☐ C topi keledar
☐ D sarung tangan

8. Martha yang berhasrat untuk memiliki sebuah _____ bekerja bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kereta idamannya itu.

- ☐ A proton perdana
- ☐ B proton Perdana
- ☐ C Proton perdana
- ☐ D Proton Perdana

9. Nek Besah merindui suara _____ cucu-cucunya yang sudah lama tidak pulang ke kampung.

- ☐ A gurau senda
- ☐ B tipu muslihat
- ☐ C lawak jenaka
- ☐ D gelak ketawa

10. Ayah menasihati abang supaya menjalankan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga dengan baiknya agar _____nya kekal harmoni.

- ☐ A suri rumah
- ☐ B tiang agama
- ☐ C kaum kerabat
- ☐ D rumah tangga

11. Puan Safawati telah membuat laporan di _____ berhubung dengan kehilangan keretanya pada minggu lepas.

- ☐ A Balai polis daerah Kluang
- ☐ B Balai Polis daerah Kluang
- ☐ C balai polis Daerah Kluang
- ☐ D Balai Polis Daerah Kluang

12. Syakila tidak melepaskan _____ untuk bertemu dengan penulis buku kegemarannya di pesta buku itu.

- ☐ A cara
- ☐ B jalan
- ☐ C peluang
- ☐ D harapan

13. Bandar _____ terletak di utara Semenanjung Malaysia.

- ☐ A alor setar
- ☐ B Alor Setar
- ☐ C alor Setar
- ☐ D Alor setar

14. Selepas menanak _____, Nelly membancuh air Milo untuk bapanya.

- ☐ A air
- ☐ B nasi
- ☐ C gulai
- ☐ D rendang

15. Ribuan penonton membanjiri _____ untuk menyaksikan perlawanan akhir Liga S _____ Malaysia.

- ☐ A padang
- ☐ B stadium
- ☐ C gimnasium
- ☐ D gelanggang

16. Tokoh budayawan itu sering menjadi _____ untuk menanyakan hal yang berkaitan dengan budaya tradisional masyarakat Melayu.

- ☐ A ikutan
- ☐ B rujukan
- ☐ C ingatan
- ☐ D saranan

17. Remaja yang berkualiti perlu dibentuk agar _____ negara dapat dicapai.

- ☐ A intuisi
- ☐ B aspirasi
- ☐ C inspirasi
- ☐ D toleransi

18. Musang yang makan ayam-ayam di kampung itu telah masuk ke dalam _____ yang dibuat oleh penduduk kampung.

- ☐ A reban
- ☐ B sangkar
- ☐ C kandang
- ☐ D perangkap

19. Abang gemar menangkap _____ di kebun ubi datuk pada waktu petang.

- ☐ A ular lidi
- ☐ B ratu lebah
- ☐ C belalang kunyit
- ☐ D harimau bintang

20. Pembahas itu membidas _____ yang dikemukakan oleh pihak pembangkang dengan lancarnya.

- ☐ A idea
- ☐ B hujah
- ☐ C bahan
- ☐ D butiran